

SPR Tunggu Surat Makluman Daripada Speaker Dewan Rakyat, DUN Yang Dibubarkan
Bernama
3 April, 2013

PUTRAJAYA, 3 April (Bernama) -- Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menunggu surat pemakluman daripada Speaker Dewan Rakyat dan Speaker Dewan Undangan Negeri-negeri yang dibubarkan sebelum boleh menentukan tarikh mesyuarat khas menetapkan hari penamaan calon dan tarikh pengundian pilihan raya umum ke-13.

Pengerusi SPR Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof berharap surat pemakluman rasmi itu diterima hari ini.

"Kita harap terima surat secepat mungkin dan selepas itu barulah SPR dapat tetapkan tarikh mesyuarat khas," katanya ketika dihubungi Bernama di sini.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini mengumumkan pembubaran Dewan Rakyat bagi memberi laluan kepada PRU13.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=939113>